

Penemuan baru UPM bantu penternak ayam

» Produk ECPhage mampu rawat jangkitan E Coli

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bharian.com.my

▮ Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan sejenis produk, ECPHAGE untuk merawat jangkitan E Coli bagi industri ternakan ayam.

ia dibangunkan Ketua Projeknya dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof Madya Dr Sieo Chin Chin bersama lima ahli kumpulannya dari pelbagai institusi, iaitu Prof Dr Ho Yin Wan, Lau Gee Leng, Prof Dr Tan Wen Siang, Prof Dr M Hair Bejo serta Dr Jalila Abu pada 2007.

Kejayaan itu membolehkan

mereka menerima pingat emas pada Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) Ke-23 di ibu negara pada 17 hingga 19 Mei lalu, pingat emas pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi UPM 2011 dan

Anugerah Kecemerlangan Reka Cipta dan Ekspo Produk Baru (INPEX).

Pada sidang media, di sini semalam, Chin Chin berkata, ECPHAGE bahan biologiikal semula jadi mengandungi mikro organisma iaitu sejenis virus khas untuk merawat bakteria E Coli yang dihadapi penternak ayam.

Katanya, mereka boleh mencampurkan satu dos ECPHAGE ke dalam minuman ayam dan boleh disemur di persekitaran ternakan untuk mengurangkan jumlah bakteria.

“Apabila ECPHAGE terkena pada bakteria E Coli, ia akan menyerap, dan membebaskan bahan baru ‘mikroorganisma ECPHAGE’ sehingga menjadikan bakteria berkurangan,” katanya.

INFO

Kelebihan ECPHAGE

- Mengurangkan bakteria menyebabkan jangkitan E Coli.
- Mampu mengurangkan kadar kematian ayam sehingga 70 peratus.
- Meningkatkan berat ayam sebanyak 15.4 peratus.



Chin Chin menunjukkan anugerah yang diperolehi ketika memperkenalkan produk EcPhage di UPM, Serdang.

[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]